

01/03/1997

Tuding jari tidak selesaikan gejala sosial

LANGKAH Umno menganjurkan muzakarah bagi mencari jalan menangani gejala sosial kelmarin bukan saja perlu, malah memang menjadi kewajipannya kerana yang paling ramai terbabit dalam masalah ini ialah remaja Melayu. Malah, Umno sebenarnya tidak mempunyai pilihan kecuali menjadikan soal ini sebagai agenda utamanya. Oleh itu, kita sependapat dengan keputusan muzakarah itu kelmarin bahawa masalah gejala sosial di negara ini sekarang sudah berada di tahap darurat yang memerlukan penggembleran tenaga semua pihak memerangnya. Pengalaman negara menghadapi masalah penyalahgunaan dadah dahulu seharusnya dijadikan iktibar paling berguna dalam menangani masalah ini. Sikap kita menganggap soal dadah dahulu hanya sebagai isu kebajikan dan ditangani oleh agensi yang berkaitan sahaja, menyebabkan dadah kini menjadi musuh nombor satu negara. Begitu juga dengan pengaruh komunis pada zaman awalnya dahulu, yang tidak dianggap sebagai musuh negara.

Kita tidak seharusnya menyalahkan pembangunan dan kemewahan ekonomi sebagai penyebab utama gejala ini. Walaupun kekuatan ekonomi dan teknologi tidak menjamin masa depan sesebuah bangsa dan negara, tanpa kedua-dua pencapaian ini keutuhan akhlak dan moral rakyat tidak akan terjamin. Tidak sedikit negara Dunia Ketiga yang ekonomi dan teknologinya mundur turut mengalami masalah ini. Kita berpendapat semua pihak, sama ada kerajaan, ahli politik, guru, ibu bapa dan media massa sama-sama bertanggungjawab dalam membiarkan masalah ini ke tahapnya sekarang.

Oleh itu, daripada menuding jari mencari salah siapa, semua pihak seharusnya sama-sama berganding bahu mencari jalan untuk mengatasinya bagi jangka panjang. Kita juga harus mengakui kelemahan penguatkuasaan di peringkat awal bagi beberapa permasalahan sebelum ini. Kecenderungan kebanyakan pihak yang hanya menjadikan isu ini sebagai bahan mendapatkan publisiti tanpa tindakan susulan, sekali gus menyebabkan keadaan bertambah buruk, perlu dinilai semula. Ketiadaan penyelarasan program menangani masalah itu, yang mengakibatkan keadaan menjadi kelam-kabut juga perlukan perhatian.

Masalah ini tentunya tidak ke tahap sekarang jika pelbagai program oleh agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela sebelum ini dilaksanakan secara jujur dan ikhlas. Malangnya, kebanyakan matlamat pelbagai program itu hanya enak didengar dan cantik di dada akhbar sedangkan peringkat pelaksanaannya jauh menepati matlamat. Bagaimanapun kita bersyukur kerana isu ini sekarang sudah mendapat perhatian semua pihak.

Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lalu bahawa Kabinet memutuskan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) memikul tanggungjawab membanteras gejala itu mengukuhkan keyakinan kita bahawa isu ini akan dapat diselesaikan. Pengalaman sebelum ini membuktikan hanya pendekatan politik yang digerakkan oleh parti pemerintah berjaya menyelesaikan sesuatu masalah atau mencapai matlamat. Parti politik dengan rangkaiannya di seluruh negara lebih mudah menangani masalah ini jika menjadikannya sebagai agenda utama mereka. Yang penting sekarang ialah keseragaman program dan tindakan sama ada di pihak agensi penguatkuasa, pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik sendiri.

Memang benar remaja Melayu beragama Islam dikatakan golongan terbesar yang terjebak dalam gejala ini. Begitupun kita tidak boleh mengetepikan kaum lain juga menghadapi masalah serupa. Bagaimanapun, kesannya kepada masa depan negara tetap sama, apalagi jika konsep masyarakat madani yang

menjadi wawasan kita adalah untuk masa depan semua rakyat. Dengan kesedaran itu, kita berharap sebarang jawatankuasa peringkat tinggi yang akan dibentuk bagi menangani masalah ini nanti bukan setakat membabitkan wakil kerajaan, pertubuhan atau parti pemerintah, malah turut mengundang parti pembangkang. Langkah ini penting kerana gejala remaja ialah masalah nasional tanpa mengira keturunan atau sempadan negeri. Malah, keruntuhan akhlak di sebuah negeri yang ditadbirkan oleh parti pembangkang juga tidak kurang teruknya. Tidak ada gunanya mereka mendabik dada mengatakan tarbiyah mereka berkesan atau menuduh gejala itu warisan BN kerana yang menjadi mangsa ialah masa depan negara.

(END)